



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	2/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	TNB			

TNB lanar Vantage, rancakkan usaha ESG global



BAHARIN DIN

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempertingkatkan komitmennya dalam usaha berkaitan aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) global menerusi pelancaran sebuah syarikat pelaburan dan pengurusan aset tenaga boleh baharu (RE), Vantage RE Ltd (Vantage).

Platform terbaharu itu akan memiliki, mengendalikan dan mengurus aset-aset dalam portfolio RE di United Kingdom (UK) dan Eropah.

TNB telah melabur dalam sektor solar dan angin di UK

sejak 2017. Sepanjang tempoh empat tahun lalu, TNB berjaya melabur dalam bidang RE di negara itu sebanyak hampir 400 megawatt (MW).

Berpangkalan di London, Vantage bakal diterajui Ketua Pegawai Eksekutif, Vian Davys yang memiliki lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang RE di UK dan antarabangsa.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, cabang perniagaan RE antarabangsa menjadi keutamaan TNB untuk terus berkem-

bang maju dalam jangka masa panjang.

"Untuk mencapai aspirasi kami sebagai menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa, kami akan terus melabur dalam jumlah yang besar untuk bidang ini.

"Kami yakin aktiviti ini akan memberi sumbangan secara meluas terhadap penjana rendah karbon dan seterusnya merencanakan komitmen TNB terhadap matlamat ESG. Kami memahami kepentingan ESG terhadap para

pelabur, selaras dengan nilai dan keutamaan dalam pemilihan pelaburan mereka.

"Dengan penubuhan Vantage, kami berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran keseluruhan kapasiti RE TNB sebanyak 8,300 MW," katanya dalam kenyataan.

Menurut TNB, pelan pertumbuhan jangka pendek Vantage akan berfokus kepada pengambilalihan Renewable Obligation Certificates (ROCs) tersubsidi dan aset-aset Feed-in-Tariff (FIT) di UK dan Ireland.

